

Mohd Khairul Naim, “Sorotan dan Kritikan Awal Terhadap Deklarasi ke Arah Suatu Etika Global,” *Afskar* 16 (Januari-Jun 2015): 31-60

SOROTAN DAN KRITIKAN AWAL TERHADAP DEKLARASI KE ARAH SUATU ETIKA GLOBAL (DECLARATION TOWARDS A GLOBAL ETHIC)

Mohd Khairul Naim Che Nordin

Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. 50603.
Kuala Lumpur. Malaysia.

Emel: khairulnaim@um.edu.my

Khulasah

Deklarasi ke arah suatu Etika Global atau *Declaration Towards a Global Ethic* merupakan sebuah deklarasi yang diisyiharkan bersempena persidangan Parlimen Agama-Agama Dunia pada tahun 1993 di Chicago, Amerika Syarikat. Persepakatan para perwakilan agama terhadap deklarasi ini khususnya terhadap suatu gagasan nilai ‘sama’ dan ‘sepunya’ iaitu etika global yang termaktub di dalamnya telah dilihat oleh banyak pihak sebagai suatu pencapaian baru dan penting dalam dialog antara-agama. Justeru, makalah ini akan membincangkan beberapa aspek penting yang mendasari pembentukan deklarasi iaitu berkenaan proses merangka draf deklarasi, beberapa kriteria yang ditetapkan serta kandungan dan metode yang digunakan. Makalah ini juga mengenalpasti beberapa isu dalam deklarasi yang boleh menimbulkan beberapa persoalan berhubung kedudukannya sebagai sebuah deklarasi sejagat untuk setiap agama dan manusia. Rumusannya, deklarasi ini tidak boleh diperakui sebagai deklarasi yang sejagat selagi mana beberapa persoalan yang ditimbulkan tidak ditangani dan diselesaikan terlebih dahulu.

Kata Kunci: Deklarasi; Etika Global; Parlimen Agama-Agama Dunia; nilai sepunya.

Abstract

Declaration Towards a Global Ethic is a proclamation that is declared in Parliament of the World's Religions in 1993 in Chicago, USA. The consensus reached between the representatives of religions on this declaration is a new and important achievements in inter-religious dialogue. Therefore, this paper will discuss some important aspects that underlie the preparation of the declaration in particular regarding the process of drafting the declaration, some defined criteria, and also content and methods used in this declaration. This paper also identifies several issues in the declaration that raises some questions of its position as a universal declaration for every religion and humankind. In conclusion, this declaration can not be certified as a universal declaration as long as some of the questions raised are not addressed and resolved in advance.

Keywords: Declaration; Global Ethic; Parliament of the World's Religions; common value.

Pendahuluan

Majlis Parlimen Agama-Agama Dunia (Parliament of the World's Religions) merupakan sebuah gerakan keagamaan yang dianggotai oleh ketua dan wakil dari pelbagai agama dari seluruh dunia¹. Penubuhan majlis ini adalah bermatlamat untuk memupuk keharmonian dalam kalangan komuniti agama dari seluruh dunia serta menggalakkan pembabitan mereka dalam proses pembangunan dunia demi mencapai dunia yang adil, aman

¹ Selain Majlis Parlimen terdapat beberapa pertubuhan lain yang mempunyai peranan yang hampir sama dari sudut penubuhannya seperti *World Congress of Faith*, *World Conference on Religion and Peace*, *Temple of Understanding*, *International Interfaith Centre* dan lain-lain. Katrien Hertog, *Reality of Religious Peacebuilding: Conceptual Contributions and Critical Analysis* (Maryland: Lexington Books, 2010), 4.

dan mampan.² Bagi memastikan matlamat di atas tercapai maka pelbagai program dianjurkan.³ Pendekatan yang digunakan pula adalah terfokus kepada usaha-usaha menggalakkan keharmonian antara agama. Antara aktiviti utama pertubuhan ini ialah persidangan antara-agama yang dianjurkan secara berkala. Ia merupakan program pertemuan antara agama yang terbesar di dunia dan menghimpunkan pemimpin dan komuniti agama dari seluruh dunia. Dianggarkan bahawa ia berjaya menghimpunkan 7,000 hingga 10,000 perwakilan dari lapan puluh buah negara untuk setiap program persidangannya.⁴

² Visi Majlis Parlimen adalah seperti berikut: "*The Council for a Parliament of the World's Religions was created to cultivate harmony among the world's religious and spiritual communities and foster their engagement with the world and its guiding institutions in order to achieve a just, peaceful and sustainable world.*" About Us, Our Mission, laman sesawang Council for a Parliament of the World's Religions, dicapai 9 Januari 2011, <http://www.parliamentofreligions.org/index.cfm?n=1&sn=1>.

³ Program dan aktiviti yang dianjurkan oleh majlis parlimen boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Program pertama adalah secara berkala yang merujuk kepada persidangan parlimen membabitkan wakil-wakil agama yang diadakan lima tahun sekali. Program kedua pula diadakan sepanjang tahun dan tidak bersifat tetap seperti yang pertama. Untuk maklumat lanjut berkenaan program dan aktiviti yang berlangsung sepanjang persidangan parlimen sila rujuk tiga laporan persidangan yang disediakan seperti 1999 Parliament of the World's Religions Summary Report, http://www.parliamentofreligions.org/_includes/FCKcontent/File/1999report.pdf; 2004 Parliament of the World's Religions Report: Challenges and Opportunities for the International Interreligious Movement, http://www.parliamentofreligions.org/_includes/FCKcontent/File/2004report-rev.pdf; dan Report on the 2009 Parliament of Religions, http://www.parliamentofreligions.org/_includes/files/reports/ParliamentInReview.pdf. Untukuraian lebih lanjut sila layari laman sesawang majlis parlimen di <http://www.parliamentofreligions.org/>.

⁴ Dari sudut penyertaan, dicatatkan bahawa persidangan Parlimen Agama-Agama Dunia di Chicago pada tahun 1993 telah berjaya menarik penyertaan seramai 9000 peserta; pada tahun 1999 di

Persidangan terpenting yang dianjurkan ialah persidangan kedua Parlimen Agama-Agama Dunia yang diadakan pada tahun 1993 di Chicago, Amerika Syarikat. Ia dilihat penting kerana persidangan tersebut menyambung kembali persidangan pertama yang telah lama terhenti yang dianjurkan pada tahun 1893 iaitu seratus tahun sebelum itu. Hasilnya beberapa persidangan lain dapat dianjurkan secara berterusan selepas itu. Ia juga dilihat penting kerana untuk julung kalinya sebuah deklarasi yang dinamakan sebagai Deklarasi ke arah Etika Global berjaya dideklarasikan seterusnya menjadi simbol persefakatan para perwakilan pelbagai agama terhadap sebuah gagasan yang sepunya.⁵

Capetown pula dengan penyertaan seramai 7000 orang, pada tahun 2004 di Barcelona dengan 9000 penyertaan dan 450 program dianjurkan dan persidangan pada tahun 2009 pula membabitkan 10,000 peserta dengan 450 program. Persidangan Parlimen Agama-Agama Dunia pada tahun 2014 pula diadakan di Brussels, Belgium selama satu minggu membabitkan 500 program dengan penyertaan 10,000 orang dari pelbagai anutan agama. Lihat Wayne Teasdale, *The Mystic Heart: Discovering a Universal Spirituality in the World's Religions* (Novato: New World Library, 2001), 9-10 dan Brussels to Host the Parliament of the World's Religions in 2014, The Parliament Blog, laman sesawang Parliament of the World's Religions, dicapai 10 Januari 2011, <http://www.parliamentofreligions.org/news/index.php/2011/03/brussels-to-host-the-parliament-of-the-worlds-religions-in-2014/>.

⁵ Melalui deklarasi ini, etika global yang menjadikan konsep 'kemanusiaan' (*humanity*) sebagai dasarnya telah diperakui sebagai sebuah nilai paling asasi dan sepunya yang dikongsi oleh setiap manusia sama ada seseorang itu menganut sesuatu agama ataupun tidak beragama. Nilai asas ini juga dikatakan terdapat dalam setiap ajaran agama di mana ia boleh diteliti melalui kitab-kitab suci dari setiap agama yang wujud dan pernah wujud di dunia ini. Lihat Parlimen Global Ethic Foundation, Konrad-Adenauer-Foundation dan Malaysian Interfaith Network, *Perisytiharan ke arah Etika Dunia* (t.t.: Global Ethic Foundation, Konrad-Adenauer-Foundation dan Malaysian Interfaith Network, t.t.), 1-2. Untuk huraian lanjut berkenaan beberapa dokongan terhadap etika global lihat sebagai contoh Chandra Muzaffar, *Global Ethic or Global Hegemony?: Reflections on Religion, Human Dignity and Civilisational*

Mohd Khairul Naim, “Sorotan dan Kritikan Awal Terhadap Deklarasi ke Arah Suatu Etika Global,” *Afskar* 16 (Januari-Jun 2015): 31-60

Oleh itu, persidangan parlimen 1993 telah menggabungkan dua asas penting dalam programnya iaitu sambutan peringatan seratus tahun Majlis Parlimen dan Deklarasi ke arah Etika Global (selepas ini disebut deklarasi) yang dibentangkan kepada para perwakilan di persidangan tersebut.

Melihat kepada kepentingan dan peranan deklarasi seperti yang dinyatakan di atas, maka makalah ini akan menghuraikan beberapa aspek penting deklarasi. Secara khususnya perbincangan ini akan dipecahkan kepada empat bahagian iaitu proses merangka draf deklarasi, beberapa kriteria yang ditetapkan dalam deklarasi, kandungan dan metode deklarasi serta beberapa isu yang dikenal pasti dalam deklarasi. Huraian berkenaan proses merangka deklarasi perlu diutarakan sebagai asas melihat kaedah yang digunakan dalam menghasilkan deklarasi ini. Kriteria-kriteria dalam deklarasi pula akan dibincangkan kerana ia merupakan elemen-elemen yang membentuk deklarasi tersebut.

Kandungan dan metode turut dihuraikan bagi melihat dasar-dasar utama yang digariskan dalam deklarasi khususnya berkenaan etika global secara langsung, seterusnya meneliti kaedah dan gaya penyampaian yang digunakan untuk tatapan pembaca. Isu-isu dalam deklarasi turut diketengahkan sebagai suatu penelitian terhadap deklarasi yang disebut telah ‘diterima umum’ ini. Ia

Interaction (London: Asean Academic Press Ltd 2005), Ingrid H. Shafer, “A Global Ethic for the Global Village,” *Journal of Ecumenical Studies* 42:3 (2007), 440-453, Sallie B. King, “It’s a Long Way to a Global Ethic: A Response to Leonard Swidler,” *Buddhist-Christian Studies* 15 (1995), 213-219, Terry C. Muck, “A Global Ethic Update,” *Buddhist-Christian Studies* 17 (1997), 215-217 dan sepuluh teks siri syarahan *The Global Ethic Lectures* oleh tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang anjuran *Global Ethic Foundation* yang boleh dilayari di laman sesawang rasmi *Global Ethic Foundation* iaitu, <http://www.weltethos.org/data-en/c-20-aktivitaeten/25a-0-weltethos-reden.php>.

Mohd Khairul Naim, “Sorotan dan Kritikan Awal Terhadap Deklarasi ke Arah Suatu Etika Global,” *Afskar* 16 (Januari-Jun 2015): 31-60

kemudiannya akan ditutup dengan sebuah rumusan sebagai kesimpulan kepada perbincangan ini.

Proses Merangka Draf Deklarasi

Deklarasi etika global ditandatangani oleh majoriti peserta Persidangan Parlimen Agama-Agama Dunia yang terdiri dari wakil pelbagai agama. Dicatatkan bahawa ia ditandatangani lebih kurang 240 orang perwakilan dari 15 agama dan pertubuhan yang terdiri dari wakil agama Yahudi, Kristian, Islam, Hindu, Buddha, Baha'i, Brahma Kumaris, Jaina, Neo-Paganisme, Sikh, Taoisme, Theosofisme, Majusi (Zoroasterian), tiga agama peribumi yang tidak dinyatakan namanya dan beberapa pertubuhan antara agama.⁶ Justeru adalah satu keperluan untuk meneliti bagaimanakah deklarasi ini mampu dipersetujui dalam kalangan pengikut agama yang berbeza.

Deklarasi ini dihasilkan melalui beberapa proses dan peringkat. Ia bermula dari pemilihan tokoh yang merangka draf, beberapa fasa perbincangan dan persetujuan di peringkat majlis parlimen, proses penambahbaikan dan seterusnya penghasilan sebuah deklarasi yang lengkap. Draf deklarasi ini disusun oleh Prof. Dr Hans Küng, seorang ahli teologi Kristian dan penggiat dialog antara-agama dari Switzerland. Kandungan yang terdapat dalam deklarasi ini dikatakan merupakan lontaran-lontaran idea beliau dalam pelbagai penulisan dan pembentangan persidangan beberapa tahun sebelum itu dan sebagianya dimasukkan dalam deklarasi tersebut.⁷

⁶ Majlis Parlimen Agama-Agama Dunia, *Perisyiharan ke arah Etika Dunia* (t.t.: Majlis Parlimen Agama-Agama Dunia, Global Ethic Foundation, Konrad-Adenauer-Foundation dan Malaysian Interfaith Network, t.t.), 13-14. Deklarasi ini juga boleh dimuat turun di laman sesawang majlis parliment: http://www.parliamentofreligions.org/_includes/FCKcontent/File/TowardsAGlobalEthic.pdf.

⁷ Karl-Josef Kuschel, “Parliament of the World’s Religions 1893-1993,” dalam *A Global Ethic: A Declaration of the Parliament of the*

Menurut Küng, deklarasi ini merupakan satu gagasan baru yang belum pernah dibincangkan secara serius dan meluas sebelum ini. Apatah lagi ia dicadangkan untuk dijadikan sebagai deklarasi dalam sebuah perhimpunan membabitkan perwakilan agama-agama dunia. Justeru, sebelum deklarasi tersebut dibentangkan, beberapa draf perlu dirangka terlebih dahulu melalui beberapa perbincangan, pembetulan serta penambahbaikan.⁸

Proses penulisan draf ini dikatakan bermula dengan penulisan awal dari Küng sendiri hasil perbincangan beliau bersama lebih kurang seratus sarjana bidang agama yang terdiri dari pelbagai negara dan anutan keagamaan. Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan siapakah individu yang terlibat serta kaedah yang digunakan dalam pemilihan individu-individu tersebut sebagai menjamin kepakaran mereka dalam bidang berkaitan.⁹ Beliau juga tidak menjelaskan secara terperinci apakah hasil perbincangan yang dicapai sehingga draf tersebut berjaya dihasilkan. Selain itu, kandungan yang digariskan dalam draf ini dikatakan turut disampaikan oleh beliau dalam kuliah, syarahan dan forum di seluruh dunia bagi mendapatkan pandangan-pandangan untuk

World's Religions, ed. Hans Küng dan Karl-Josef Kuschel (New York: The Continuum International Publishing Group, 2006), 60.

⁸ Hans Küng, "Sejarah, Signifikansi dan Metode Deklarasi Menuju Etik Global," dalam *Etik Global*, ed. Hans Küng dan Karl Josef Kuschel, terj. Ahmad Murtajib (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1999), 56.

⁹ Hanya beberapa orang tokoh yang disebut oleh Hans Küng dalam proses perbincangan mereka dalam usaha membentuk deklarasi seperti Rabbi Rene Samuel Sirat, Presiden *Permanent Council of the Conference of European Rabbis*, Tadjini Haddam selaku Rektor *Muslim Institute of the Great Mosque of Paris*, Heinrich von Stietencron dan Josep van Ess sebagai pensyarah kajian agama di *University of Tübingen*, profesor Li Zehou dari China, Sulak Sivaraska selaku penganut Buddha dari Thailand, Dr. Vasudha Dalmia selaku penganut Hindu dan beberapa orang yang lain. *Ibid.*, 56-59.

penambahbaikan.¹⁰ Walau bagaimanapun beliau turut tidak menjelaskan pandangan-pandangan yang diterima itu.

Draf yang didakwa hasil perbincangan pelbagai pihak ini kemudiannya dihantar ke ibu pejabat majlis parlimen di Chicago untuk semakan panitia persidangan selepas ia diterjemahkan dari bahasa Jerman ke bahasa Inggeris dengan beberapa cadangan penambahbaikan khususnya berkenaan kandungan draf serta gaya penulisannya. Ia kemudiannya diperbaiki oleh Küng dengan beberapa penambahan dan pembetulan sehingga menjadi sebuah deklarasi yang lengkap.¹¹ Bagi melihat kerangka yang menghasilkan deklarasi yang dikatakan lengkap ini maka diutarakan beberapa kriteria yang ditetapkan bagi memastikan deklarasi ini diterima umum.

Kriteria

Sebagai sebuah ‘deklarasi untuk setiap manusia’ maka kandungan yang termaktub di dalamnya juga perlu komprehensif dan mampu diterima umum. Bagi memastikan kesesuaian deklarasi dalam membawa gagasan etika global maka artikel ini akan menghuraikan beberapa kriteria yang digariskan dalam merangka deklarasi.

Menurut Küng, belum ada sebarang penulisan yang mengadunkan penyusunan etika-etika dalam semua agama dan dijadikan satu deklarasi seperti etika global. Oleh kerana itu, beliau dikatakan berhadapan dengan masalah yang besar untuk menentukan isi dan gaya penulisan

¹⁰ Antaranya dalam *World Conference of Religions for Peace* di Mainz, *World Congress of Faith* di London, *Association for Religious Freedom* di Hamburg, *Shalom Hartman Institute* di Jerusalem, *World Economic Forum* di Davos dan di persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York serta beberapa persidangan yang lain. *Ibid.*, 60-61.

¹¹ *Ibid.*, 61.

untuk deklarasi seperti itu.¹² Antaranya seperti menentukan penggunaan laras bahasa yang sesuai, kandungan yang boleh diterima umum dan mesejnya yang boleh menyatukan setiap manusia. Oleh itu, bagi mencapai matlamat di atas Hans Küng menggariskan beberapa kriteria yang dikenal pasti perlu ada dalam deklarasi ini sesuai dengan gagasan etika global yang dibawa. Kriteria-kriteria ini boleh dipecahkan kepada dua sisi pandang iaitu sisi positif dan sisi negatif. Berikut dihurai pernyataan kriteria dari sudut sisi positifnya:¹³

- a. Deklarasi perlu menyentuh peringkat atau tahap etika yang paling dalam (*deeper ethical levels*). Maksud paling dalam di sini ialah peringkat nilai yang mengikat (setiap manusia), 'kriteria yang bersifat muktamad' dan 'tidak boleh dibatalkan' serta 'sikap asas yang mendalam'. Dalam masa yang sama ia tidak harus terikat kepada sebarang perundangan, dikanunkan menjadi undang-undang atau dikaitkan dengan sebarang persoalan politik.
- b. Ia perlu berkeupayaan membentuk persefakan dan mempertahankan persetujuan moral secara bersama. Sebarang pernyataan dalam etika global juga perlu dielakkan dari perkara sensitif yang boleh menyebabkan berlakunya krisis dengan sebarang tradisi etika dan agama yang sedia ada. Sebarang unsur kritikan dan kutukan yang mampu menyentuh sensitiviti agama perlu dielakkan.
- c. Ia bukan sekadar menawarkan 'etika yang paling minimum' sifatnya tetapi elemen yang terdapat di dalamnya harus dapat dikongsi secara bersama oleh golongan '*agnostic*'¹⁴ dan aties termasuklah ahli

¹² Hans Küng, *A Global Ethic*, 53.

¹³ Hans Küng, *A Global Ethic for Global Politics and Economics* (New York: Oxford University Press, 1998), 107.

¹⁴ Agnostik merujuk kepada mereka yang ragu-ragu terhadap kewujudan tuhan dan kepercayaan agama. Keraguan ini bukan bermaksud mereka menafikan kewujudannya atau menyokong

falsafah di mana mereka sendiri mampu mengaplikasikannya berdasarkan pandangan sendiri tanpa perlu merujuk kepada asas-asas agama.

- d. Ia juga tidak boleh menawarkan etika yang bersifat kompleks dan merumitkan ('*thick' maximum ethic*).¹⁵ Namun dalam masa yang sama ia perlu relevan dengan aspek ekonomi dan politik serta menyokong sebarang tindakan yang menjamin keadilan dalam aturan ekonomi, sosial dan alam sekitar.
- e. Ia perlu dilihat sesuai dengan realiti. Keadaan dunia perlu dinyatakan secara realistik sebagaimana yang berlaku dan bukan apa yang sepatutnya berlaku. Dengan kata lain, perbincangan deklarasi perlu membabitkan perkara yang sedia berlaku kini. Oleh

wujudnya Tuhan, tetapi berpandangan akal mungkin mampu atau tidak mampu membuktikan kewujudan Tuhan. Oleh itu agnostik boleh dikenali juga sebagai *theist* atau *atheist*. Anthony Kenny, *The Unknown God* (New York: Continuum, 2004), 2.

¹⁵ Istilah '*thin and thick morality*' dan '*minimal morality or moral minimalism*' dihurai oleh Hans Kung dalam bukunya *A Global Ethic for Global Politics and Economics*. Beliau meminjam istilah yang digunakan oleh Michael Walzer dalam bukunya *Thick and Thin* yang merujuk kepada beberapa elemen moral yang boleh dirasai secara sejagat oleh semua manusia khususnya ketika berlaku sesuatu konflik. Antaranya seperti hak untuk hidup, mendapat layanan yang adil dan berintegriti dalam aspek fizikal dan moral serta hak mendapat kebenaran dan keadilan. Konsep moral ini dinamakan sebagai moraliti minima atau minimalisme moral kerana memiliki erti yang minimum, tidak kompleks dan boleh dihurai dengan penjelasan yang ringkas. Kerana itu, ia dinamakan juga sebagai '*thin morality*'. Dalam masa yang sama asas kepada moraliti ini banyak terdapat dalam pelbagai budaya dan muncul dalam pelbagai aspek agama, sejarah dan politik serta bergantung kepada tempat dan masa. Dalam konteks yang membabitkan perincian ini pula, ia dinamakan sebagai '*thick morality*' iaitu sebuah moraliti yang mana kandungannya diperkaya oleh pelbagai budaya yang digelar sebagai moraliti tebal. Ia boleh dinilai secara umum dan dirasai manusia sejagat atau pun dispesifikasi kepada konteks tertentu membabitkan kumpulan manusia tertentu. Hans Küng, *Global Ethic for Global Politics*, 94-97.

itu, ia perlu bermula dengan persoalan ‘apakah yang berlaku’ dan kemudian dibangunkan seterusnya kepada apa yang perlu dilakukan.

- f. Ia perlu mudah difahami. Hujah yang bersifat teknikal dan pandangan-pandangan akademik yang jargon perlu dielakkan. Ia juga perlu dipersembahkan dengan bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat awam serta mudah diterjemahkan ke bahasa-bahasa yang lain. Contoh konteks ‘mudah’ yang dimaksudkan ialah sehingga pembaca surat khabar dapat memahaminya secara mudah dengan menggunakan ayat-ayat yang tidak merumitkan.
- g. Ia perlu bersifat mampu menilai diri sendiri (*self-critical*). Ini menjadikan deklarasi tidak ditujukan kepada ‘dunia’ semata-mata tetapi turut menilai agama itu sendiri secara dasar. Dalam konteks ini kegagalan peranan agama dalam mencipta kedamaian tidak boleh disembunyikan bahkan ia harus dinyatakan secara tegas.
- h. Ia perlu mempunyai asas-asas agama. Dalam konteks ini, sebarang pernyataan yang ingin ditujukan kepada semua orang termasuklah golongan yang tidak beragama hendaklah dalam bentuk yang neutral. Dalam masa yang sama golongan beragama masih boleh memahami deklarasi sebagai suatu yang ada asas agamanya.

Hans Küng juga menghuraikan beberapa aspek lain yang dilihat perlu ditonjolkan sebagai penguat kepada kriteria di atas. Kriteria ini didatangkan dalam bentuk sisi negatif di mana ia perlu dinafikan serta tidak harus dinyatakan dalam deklarasi iaitu¹⁶:

¹⁶ *Ibid.*, 106.

- a. Deklarasi bukan peniruan atau pengulangan kembali teks Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia 1948.¹⁷ Ia sebaliknya harus menyokong deklarasi HAM yang selama ini didakwa dilanggar dan diabaikan. Namun deklarasi ini bukan mengulangi pernyataan-pernyataan seperti yang telah termaktub dalam deklarasi HAM, sebaliknya ia perlu melewati sebarang bentuk perbincangan berkaitan undang-undang dan hak asasi. Selain itu, deklarasi juga tidak boleh dilihat sebagai berasal atau diwakili oleh mana-mana pihak dari Barat mahupun Timur.
- b. Ia bukan suatu deklarasi politik. Namun, ia seharusnya menyentuh persoalan yang berkaitan dengan politik dan ekonomi dunia. Di samping itu, ia perlu turut menyokong sebarang usaha ke arah suatu aturan ekonomi dan masyarakat yang adil.

¹⁷ Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia atau *The Universal Declaration of Human Rights* telah diisyitiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 10 Disember 1948 iaitu tiga tahun selepas penubuhan badan antarabangsa tersebut. Ia bertujuan mengekang dan menghalang pencerobohan hak asasi yang giat dilakukan di era perang dunia pertama dan kedua di samping memberi kesedaran kepada pentingnya pemeliharaan hak asasi dalam konteks keamanan dan kemakmuran dunia. Sebahagian negaraneutra yang bernaung di bawah Majlis Perhimpunan Agung PBB menandatangani deklarasi yang dibentuk ini. Lihat Bradley R. Munro, "The Universal Declaration of Human Rights, Maritain, and the Universality of Human Rights" dalam *Philosophical Theory and The Universal Declaration of Human Rights*, ed. William Sweet (Ottawa: University of Ottawa Press, 2003), 109. Untuk huraian lanjut mengenai perbincangan deklarasi HAM lihat William H. Meyer, *Human Rights and International Political Economy in Third World Nations: Multinational Corporations, Foreign Aid and Repression* (t.t.: Praeger dan Lauren, 1998) dan Paul Gordon, *The Evolution of International Human Rights: Visions Seen* (Pennsylvania: University of Pennsylvania Press, 2003). Untuk meneliti setiap pernyataan yang terkandung dalam deklarasi HAM sila layari Universal Declaration of Human Rights, laman sesawang United Nations, <http://www.un.org/en/documents/udhr/>.

- c. Ia bukan khutbah atau pesanan keagamaan yang merumitkan. Deklarasi harus tegas mengemukakan kenyataan tentang kebenaran secara jelas. Walau bagaimana pun ia tidak boleh dinyatakan dalam bentuk teguran dan ancaman atau diperkenalkan dalam bentuk peraturan, rukun dan panduan. Di samping itu, ia juga tidak akan menyentuh isu-isu yang sukar dan menjadi perselisihan pendapat. Sebarang isu yang dilihat tidak membawa sebarang pencapaian ke arah apa-apa persetujuan tidak perlu dinyatakan dalam deklarasi. Sebagai contoh, persoalan-persoalan yang membabitkan pertikaian antara negara, budaya dan agama yang boleh menjarakkan hubungan antara manusia yang terlibat tidak akan disentuh.
- d. Deklarasi juga bukan suatu karangan kefalsafahan (*philosophical treatise*) semata-mata. Namun ia juga seharusnya mengambil perhatian terhadap falsafah dan dirumuskan seterusnya disesuaikan sehingga para ahli falsafah sendiri termasuk dari kalangan agnostik atau ateis dapat menerima walaupun mereka tidak berkongsi asas-asas agama. Ini kerana masyarakat akan menghadapi kesukaran dalam memahami pelbagai permasalahan sebenar yang berlaku sekiranya ia dihuraikan secara falsafah. Tambahan pula etika global bukan sekadar untuk para intelektual atau golongan terpelajar tetapi juga untuk pelbagai peringkat masyarakat.
- e. Ia juga bukan sebuah perisyiharan keagamaan (*religious proclamation*). Ini kerana sekiranya deklarasi hanya menumpukan kepada perbincangan agama seperti konsep realiti yang tertinggi, kesatuan sejahtera, visi spiritual dan lain-lain seperti yang boleh dijumpai dalam pelbagai doktrin agama maka ia akan menyebabkan pengabaian kepada aspek lebih penting seperti bidang ekonomi, politik dan sosial yang

merupakan suatu realiti kepada kehidupan masyarakat kini.

Justeru dapat dirumuskan kriteria yang digariskan ini dibentuk supaya deklarasi dilihat sesuai untuk semua manusia yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Namun, bagaimanakah ia diterjemahkan dalam bentuk teks? Bahagian seterusnya menghuraikan mengenai kandungan dan metode seperti yang terkandung dalam deklarasi.

Kandungan dan Metode

Bagi melihat persoalan seperti yang diutarakan di atas, akan dihuraikan dua aspek penting deklarasi iaitu kandungan; yang menjelaskan dasar-dasar yang dibawa dan tema-tema utama dalam deklarasi, serta metode; iaitu kaedah, gaya penyampaian dan bahasa yang digunakan bagi menjelaskan kandungan yang dibawa.

1. Isi Kandungan

Secara umumnya isi kandungan yang terdapat dalam deklarasi boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian pengenalan (*introduction*) dan bahagian prinsip-prinsip etika global (*the principles of a global ethic*).¹⁸ Bahagian pengenalan menghuraikan permasalahan dan isu yang dihadapi oleh dunia sejagat pada hari ini seperti ketidakseimbangan ekonomi, aturan sosial yang kucar kacir, kebencian antara-agama dan lain-lain. Hal ini membawa kepada penyataan seterusnya yang menjelaskan bahawa kesemua masalah ini dapat diselesaikan dengan asas-asas etika yang telah sedia wujud dalam setiap agama, antaranya melalui saranan moral yang disebut terdapat dalam setiap agama iaitu ‘layanilah orang lain seperti mana anda mahu dilayani’.

¹⁸ Lihat Council for a Parliament of the World’s Religions, *Declaration Toward a Global Ethic* (New York: Continuum Publishing, 1999) dan Majlis Parlimen Agama-Agama Dunia, *Perisytiharan ke arah Etika Dunia*.

Bahagian ini dirumuskan dengan penyataan bahawa asas etika ini hanya boleh diperaktikkan apabila semua manusia sedar bahawa mereka bergantung antara satu sama lain dan perlunya rasa bertanggungjawab atas setiap apa yang dilakukan¹⁹.

Bahagian kedua pula adalah berkenaan prinsip etika global yang boleh dibahagikan kepada lima bahagian iaitu²⁰:

- a. Bahagian pengenalan kepada prinsip-prinsip. Ia menjelaskan situasi global yang berlaku dan apakah tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh setiap manusia sebagai penyelesaian kepada pelbagai permasalahan yang berlaku.
- b. Bahagian peraturan serta penjelasan mengenainya. Peraturan yang digariskan tersebut ialah: "Tidak wujud aturan global yang baru tanpa etika global yang baru." (*No new global order without a new global ethic*)
- c. Bahagian matlamat yang disebut sebagai tuntutan asas, iaitu setiap manusia harus dilayan dengan rasa kemanusiaan. (*A fundamental demand: Every human being must be treated humanely*)
- d. Bahagian panduan. Ia disebut sebagai panduan yang kukuh (*Irrevocable Directives*) atau disebut sebagai empat garis besar warisan silam yang ditemui dalam kebanyakan agama dunia. Ia dipecahkan kepada empat panduan yang berperanan memandu tingkah laku manusia iaitu:
 - i. Komitmen terhadap budaya tanpa keganasan dan menghargai kehidupan.
 - ii. Komitmen bagi menunjukkan kesepakatan dan kesaksamaan orde atau aturan ekonomi.
 - iii. Komitmen kepada budaya toleransi dan kehidupan berlandaskan kebenaran.

¹⁹ *Ibid.*, 1-3.

²⁰ *Ibid.*, 4-15. Sila rujuk deklarasi untuk huraian lebih lanjut.

- iv. Komitmen ke arah budaya hak saksama dan perkongsian antara lelaki dan wanita.
- e. Bahagian kesimpulan. Ia diletakkan di bawah tajuk Perubahan Kesedaran (*A Transformation of Consciousness*). Ia merupakan rumusan kepada deklarasi ini yang menjelaskan bahawa sebarang perubahan yang ingin dilakukan perlu bermula dari diri. Ia diakhiri dengan ikrar bagi mencapai etika global yang disepakati dan mengundang semua manusia tanpa mengira yang beragama ataupun tidak untuk turut mencapai matlamat yang sama.

Secara umumnya, boleh dirumuskan bahawa kandungan deklarasi dipecahkan kepada beberapa bahagian. Ia dimulakan terlebih dahulu dengan huraian latar belakang masalah yang menjelaskan kepentingan untuk semua manusia berpegang dengan etika global. Bahagian-bahagian seterusnya pula menjurus kepada beberapa tema penting yang terkandung dalam etika global yang dikatakan berperanan menyelesaikan permasalahan-permasalahan global yang dinyatakan. Lima bahagian ini memaparkan tema-tema penting yang ingin disampaikan dalam deklarasi. Menurut Muck Terry, empat asas etika boleh ditemui dalam deklarasi iaitu tiada keganasan (*nonviolence*), kebebasan (*solidarity*), toleransi (*tolerance*) dan persamaan hak (*equal rights*).²¹

Walau bagaimanapun, kandungan deklarasi tidak dapat dikaji berasingan tanpa melihat metode yang digunakan dalam menyampaikan kandungan tersebut. Metode berperanan menyampaikan mesej yang dinyatakan dan mengolahnya untuk perhatian pembaca. Dalam bahagian seterusnya akan dijelaskan metode-metode yang digunakan dalam deklarasi.

²¹ Terry C. Muck, “A Global Ethic Update,” *Buddhist-Christian Studies*, Vol. 17, (1997), 215.

2. Metode

Selain aspek kandungan, deklarasi juga boleh diteliti melalui metode penyampaian yang digunakan. Oleh kerana deklarasi ini digelar sebagai deklarasi etika global dan sasarannya pula kepada setiap manusia tanpa ada yang terkecuali maka ia perlu memenuhi ciri-ciri yang sejagat. Terdapat beberapa metode yang digunakan dalam menyampaikan mesej-mesej etika global. Ia boleh dilihat dari sudut gaya bahasa dan persembahan, pemilihan serta penggunaan ayat-ayat yang tertentu. Antara metode yang digunakan dalam deklarasi ini ialah²²:

- a. Menggunakan gaya bahasa dan persembahan penulisan yang didakwa sesuai dengan gagasan etika global iaitu gaya bahasa yang inklusif. Bahasa yang digunakan adalah untuk membabitkan semua pihak. Sebagai contoh, deklarasi ini menggunakan ganti nama ‘kami’ dan ‘kita’ (*we* dan *us*) sebagai kata nama dalam deklarasi. Ia juga menggunakan tema-tema bahasa yang inklusif seperti ‘saling memerlukan’, ‘kesajahteraan bersama’, ‘menghargai kepelbagaiuan’, ‘perkongsian yang setara’ dan lain-lain.
- b. Mengelakkan penggunaan bahasa yang eksklusif dan bersifat memihak atau merujuk kepada sesuatu pihak. Perkataan wanita dan lelaki digunakan berulang kali bagi memberi maksud tiada pemisahan jantina dalam deklarasi.
- c. Mengelakkan ayat-ayat yang bersifat tuduhan dan hukuman. Deklarasi ini bersifat seruan dan rayuan untuk semua bersama-sama menjayakan deklarasi. Tidak banyak sanggahan atau kecaman kepada pihak atau golongan tertentu kecuali beberapa kumpulan seperti berikut: ‘ahli politik dan peniaga yang menipu’, ‘media massa yang menyebarkan ideologi tidak benar’, ‘ahli sains dan penyelidik yang

²² Lihat Perisyntahan Etika Dunia, 1-12.

dipersoal moralnya’, ‘wakil agama yang menyeru kepada kefanatikan’ dan beberapa golongan yang diklasifikasikan sebagai mereka yang ‘mengenepikan nilai-nilai moral demi kepentingan sendiri’.

- d. Menekankan penegasan menolak amalan-amalan yang negatif seperti penderaan berterusan, mengecam kemiskinan, kebuluran dan ketidakseimbangan ekonomi, aturan sosial yang kucar kacir dan lain-lain.
- e. Memaparkan masalah dan isu. Deklarasi memulakan pernyataannya berkenaan masalah yang melanda dunia pada masa kini. Ia memberi maklum balas kepada masalah tersebut melalui kecaman dan kutukan. Seterusnya ia mengajukan penyelesaian yang dikatakan boleh diselesaikan secara bersama dengan cara mempraktikkan etika global.
- f. Tidak menyentuh sebarang doktrin dan ajaran agama tertentu. Ia juga tidak memasukkan sebarang teks dari kitab-kitab agama. Deklarasi hanya menyentuh berkenaan peranan agama secara umum dan beberapa panduan yang dikatakan ditemui dalam setiap ajaran agama seperti ‘jangan mencuri’, ‘berurusan dengan jujur dan saksama’, ‘jangan menipu’, ‘berkata dan berlaku benar’, ‘tidak harus melakukan hubungan seks tidak bermoral’ serta rukun emas atau ‘golden rule’.

Isu-Isu dalam Deklarasi

Dari sudut penerimaan, deklarasi berjaya mendapat sokongan pelbagai pihak sama ada dari wakil-wakil agama, ahli akademik, humanis sehingga mereka yang menduduki jawatan penting di badan-badan antarabangsa. Penerimaan ini bersandarkan idea-idea dalam etika global itu sendiri yang mempromosikan konsep kebersamaan, keharmonian, kerjasama dan kebertanggungjawapan. Konsep-konsep ini pula diikat dengan nilai sepunya yang disebut wujud dalam setiap diri manusia dan diajar oleh setiap agama. Ia suatu gagasan yang mudah, tidak

merumitkan, berkait dengan manusia itu sendiri serta meraikan setiap manusia sama ada mereka dari komuniti agama atau ateis.

Namun, di sebalik pelbagai kaedah yang digunakan, pembentangan deklarasi ini tetap mengundang pelbagai kontroversi dan perdebatan. Ia akan dihuraikan berdasarkan pembentangan di atas iaitu isu-isu berkenaan proses merangka draf deklarasi, isu-isu dalam kriteria, metodologi yang digunakan serta kandungan deklarasi.

i. Proses

Dari sudut proses, terdapat peserta persidangan parlimen yang mempersoalkan prosedur pembentukan deklarasi dan proses konsultasinya.²³ Persoalan ini timbul kerana majlis parlimen tidak memberikan masa yang cukup kepada peserta untuk melontarkan pandangan sebelum ia dipersetujui.²⁴ Tambahan pula proses merangka draf deklarasi hanya membabitkan segelintir pihak dan deklarasi tersebut dibentangkan semata-mata untuk dipersetujui tanpa ada peluang kepada sebarang penambahbaikan dari peserta.²⁵

Oleh itu, proses pembentukan draf deklarasi menimbulkan persoalan khususnya dari sudut

²³ Hans Küng dan Karl Josef Kuschel, *Etik Global*, 140.

²⁴ Ia bertentangan dengan pandangan Küng sebagai individu utama yang merangka draf deklarasi. Menurut Küng, beliau telah mendapatkan pandangan pelbagai pihak dari pelbagai agama sebelum draf tersebut dirangka. Walaupun perangka draf dikatakan telah mendapatkan pandangan-pandangan tersebut namun ia tetap menjadi antara asas perdebatan peserta persidangan kerana tidak membabitkan mereka. *Ibid.*

²⁵ *Ibid.* Terdapat juga beberapa pertubuhan agama Yahudi yang menarik diri dari persidangan seperti *American Jewish Committee*, *American Jewish Congress*, *Anti-Defamation League of B'nai B'rith*, *Greek Orthodox Diocese of Chicago* dan *Jewish Community Relations Council* atas alasan penyertaan tokoh-tokoh yang didakwa anti semitik seperti Louis H. Farrakhan dari *Islamic Nation* yang didakwa oleh mereka sebagai individu yang bertanggungjawab melaungkan sentimen anti semitik di Amerika. *Ibid.*, 138.

keautoritarian mereka yang terlibat dalam mewakili pandangan agama masing-masing. Ini kerana Küng tidak menyatakan secara terperinci siapakah individu yang terlibat berserta kepakaran dan pengetahuan mereka dalam agama-agama yang berkaitan. Kaedah yang digunakan bagi mendapatkan pandangan juga tidak disebut secara jelas melainkan dikatakan diambil melalui respons peserta dalam pembentangan beliau. Oleh kerana itu, latar belakang individu yang terlibat perlu dipastikan dengan jelas bagi memastikan mereka benar-benar berautoriti dan berpengetahuan untuk merangka draf yang membabitkan semua agama. Ini kerana jika etika global benar-benar muh u dilihat sejagat maka usaha membentuknya juga perlu dilihat komprehensif.

Dalam konteks persetujuan majoriti agama terhadap deklarasi, perlu dinyatakan bahawa penyenaraian tandatangan wakil-wakil agama ke atas deklarasi tersebut adalah tidak mencukupi dan tidak boleh dijadikan satu simbol persetujuan agama dan seluruh penganutnya kepada deklarasi ini. Tambahan pula, pemilihan wakil-wakil yang berperanan mewakili agama masing-masing ke persidangan ini tidak dinyatakan secara jelas sedangkan ia penting demi memastikan mereka adalah dari kalangan yang benar-benar berautoriti dan diterima dalam agama masing-masing.

Oleh itu, sekiranya semua agama ingin dilibatkan dalam deklarasi ini maka perbincangan menyeluruh seharusnya dilakukan terlebih dahulu dan bukannya sekadar penyenaraian tandatangan tanda pengesahan untuk bersetuju. Ini kerana setiap agama mempunyai institusi dan pihak yang berautoriti dalam menentukan ruang lingkup agama mereka. Justeru, hujah bahawa deklarasi mendapat sokongan pelbagai agama tidak boleh diterima dengan hanya berpandukan tandatangan segelintir individu yang sukar dikenal pasti keautoritariannya.

ii. Kriteria

Dalam konteks kriteria, terdapat beberapa isu yang boleh dibangkitkan berhubung pengelasan kriteria seperti yang ditetapkan oleh Küng. Sebagai contoh, aspek sisi negatif hanyalah ulasan kembali kepada kriteria yang telah ditetapkan sebelum itu tetapi menggunakan laras bahasa yang berbeza. Contohnya penjelasan berkenaan deklarasi yang tidak boleh bersekitar hal-hal falsafah dapat difahami sama dengan kriteria yang menetapkan bahawa etika global perlu menggunakan bahasa yang mudah difahami.

Selain itu, berlaku pertentangan antara satu kriteria dengan kriteria yang lain. Contohnya, dinyatakan deklarasi perlu meletakkan agama sebagai asasnya namun dalam kriteria yang lain disebut pula bahawa deklarasi tidak boleh dilihat cenderung kepada agama. Kenyataan ini seolah meletakkan agama sebagai kerangka asas deklarasi namun dalam masa yang sama menafikan pula kepentingan kewujudannya. Ia menimbulkan persoalan seterusnya berkenaan kedudukan sebenar agama dalam deklarasi sama ada sebagai asas terhadap gagasan yang dibawa atau sekadar medium untuk mendapatkan sokongan penganut-penganut agama.

Di samping itu, deklarasi ini dikatakan tidak boleh dinyatakan dalam bentuk peraturan, rukun atau panduan. Walau bagaimanapun ia sekali lagi menimbulkan percanggahan kerana kriteria yang dinyatakan di atas digambarkan seperti panduan atau rukun bagi etika global. Sebagai contoh diletakkan ‘peraturan’ bahawa sekiranya terdapat salah satu aspek yang tidak perlu ada dalam deklarasi maka, ia tidak boleh diakui sebagai etika global. Kriteria ini jelas dipersembahkan dalam bentuk peraturan atau rukun.

Turut dinyatakan bahawa deklarasi disyaratkan menyokong sepenuhnya Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia tetapi bukan mengulanginya semula. Kewajaran sokongan ini perlu dipersoalkan kerana bukan semua

pihak menerima deklarasi HAM bahkan ada yang menolaknya atas pelbagai hujah.²⁶ Perakuan deklarasi etika global kepada Deklarasi HAM boleh membawa etika global itu sendiri ke medan perdebatan dan tidak lagi menjadi medium persepkatan. Hal-hal berkait kebebasan mutlak dalam beragama seperti yang termaktub dalam deklarasi HAM sebagai contoh adalah suatu pertentangan yang nyata dengan pendirian Islam yang menetapkan hukum tertentu kepada mereka yang murtad.²⁷ Justeru, seharusnya kesemua kriteria yang digariskan memerlukan penelitian dan perincian yang mendalam bagi memastikan ia menepati maksud etika global yang ingin dibawa.

iii. Kandungan dan Metode

Walaupun terdapat tema-tema penting yang relevan untuk ditujukan dan disampaikan untuk semua manusia bersesuaian dengan isu-isu yang dilontarkan, namun

²⁶ Jaminan keberkesanan deklarasi hak asasi manusia masih tidak diketahui walaupun selepas puluhan tahun deklarasi tersebut ditandatangani dan puluhan tahun selepas persidangan dunia berkenaan hak asasi manusia (*World Conference on Human Rights*) dianjurkan. Contohnya tahun-tahun 1990-an menyaksikan hak asasi yang paling asas iaitu hak untuk hidup terus dicabul. Pembersihan etnik (*ethnic cleansing*) dan rasisme merupakan antara pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku pada dekad tersebut dan jenayah ini dikatakan sebagai tidak jauh bezanya seperti di era Nazi Jerman. Catherine Lalumiere, Setiausaha Agung Majlis Eropah (*Council of Europe*) dalam perbincangan berkenaan hak asasi manusia sempena pengajuran Persidangan Hak Asasi Manusia Sedunia menjelaskan bahawa tragedi-tragedi peperangan yang berlaku menjadi bukti bahawa deklarasi hak asasi yang ditandatangani pada tahun 1948 masih belum dapat direalisasikan sepenuhnya. Ian Martin, “The Promotion of Human Rights and Prevention of Human Rights Violations” dalam *Human Rights at the Dawn of the 21st Century*, Council of Europe, Strasbourg, 28-30 Januari 1993, 41 dan Catherine Lalumiere, Opening Statement dalam “Human Rights at the Dawn of the 21st Century”, 5-8.

²⁷ Lihat fasil ke 18, Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia PBB. Universal Declaration of Human Rights, laman sesawang United Nations, <http://www.un.org/en/documents/udhr/>.

dalam masa yang sama terdapat beberapa persoalan yang timbul dari kandungan deklarasi ini. Antaranya berkenaan pemilihan perkataan yang kabur dan memerlukan penjelasan seperti ‘kebenaran yang telah sedia tersemat dalam hati’, ‘tiada keadilan global tanpa kebenaran’ dan lain-lain. Apakah kebenaran yang dimaksudkan tersebut serta apakah sumber bagi menilai kebenaran yang dinyatakan? Ia memerlukan perbincangan lanjut sedangkan perbahasan yang terperinci ditolak seperti yang digariskan dalam kriteria deklarasi.

Deklarasi juga menggunakan kata nama ‘kami’ yang merujuk kepada wakil-wakil agama yang menghadiri persidangan parlimen. Ia juga secara jelas hanya memperakui komuniti agama apabila memilih ayat-ayat yang menjurus kepada golongan itu sahaja seperti “lelaki dan wanita yang menganuti dan melaksanakan tuntutan agama masing-masing” dan “menghambarkan diri untuk menerima dan melaksanakan tuntutan-tuntutan agama”. Penyataan ini secara langsung mengetepikan golongan yang menolak agama dalam menerima etika global walhal dinyatakan bahawa deklarasi yang digariskan adalah untuk setiap manusia. Pernyataan-pernyataan dalam deklarasi ini juga dihursti dari aspek keagamaan dan pengamalan beragama sedangkan dijelaskan dalam perihal kriteria deklarasi berkenaan kepentingan bentuk deklarasi yang harus diterima semua pihak.

Ironinya, dalam meletakkan agama sebagai asas penting kepada etika global, deklarasi dalam masa yang sama hanya menempatkan agama pada sudut yang sempit. Antaranya disebut bahawa agama hanyalah pencetus ‘kesegaran rohani’ yang dikatakan berfungsi membentuk orientasi dalaman penganutnya. Bahkan terdapat pernyataan yang digariskan mengakui bahawa agama tidak mampu menyelesaikan masalah alam sekitar, ekonomi, politik dan sosial dunia dan kerana itu ia hanya mampu berperanan untuk aspek dalaman manusia semata-

mata. Kesemua persoalan ini menimbulkan persoalan lain berkenaan kemampuan deklarasi memenuhi kriteria seperti yang telah digariskan oleh Küng. Ini kerana berlaku percanggahan antara kriteria yang ditetapkan dengan kandungan deklarasi. Ia juga menimbulkan persoalan sama ada kriteria tersebut mampu dipenuhi atau ia terlalu ideal untuk dicapai dan direalisasikan dalam sebuah deklarasi.

Selain itu, terdapat beberapa metode yang digunakan dalam deklarasi dan ia berperanan menyampaikan idea-idea etika global supaya sesuai dengan kefahaman pembaca. Namun, terdapat juga metode yang menimbulkan kritikan di kalangan peserta persidangan itu sendiri. Apa yang ketara ialah persoalan berkenaan doktrin-doktrin agama yang tidak disentuh secara mendalam dalam deklarasi tersebut bagi mengelakkkan perbezaan antara agama.²⁸ Justeru, aspek yang ditekankan dalam deklarasi hanyalah berkenaan nilai-nilai etika yang merupakan sebahagian dari ajaran agama dan didakwa oleh pendokong etika global turut terdapat dalam pelbagai pemikiran falsafah.

Di samping itu, wujud beberapa bantahan yang disuarakan oleh sebahagian perwakilan sendiri khususnya berkaitan kandungan yang terdapat dalam deklarasi. Ia boleh diuraikan seperti berikut:

- a. Kandungan deklarasi dilihat membawa unsur-unsur sinkretisme dalam agama. Penyataan dalam deklarasi dilihat cuba menyelaraskan perbezaan kepercayaan dan amalan peribadatan yang bertentangan dan disamakan kedudukannya untuk setiap agama. Begitu juga berkenaan penyataan mengenai anutan agama yang tidak utuh dan meyakinkan, serta mengakui agama yang dianuti tidak lebih baik berbanding yang lain bagi

²⁸ Hans Küng dan Karl Josef Kuschel, *Etik Global.*, 94.

menggambarkan sikap inklusif dengan penganut yang lain.²⁹

- b. Kandungan keseluruhan deklarasi dilihat agak kebaratan khususnya berkenaan penekanan kepada konsep hak asasi berbanding hak masyarakat, memfokuskan kepada ekologi berbanding pembangunan (yang dihadapi oleh negara dunia ketiga), etika individu berbanding tanggungjawab sosial, permasalahan diri dalam berbanding faktor luaran dan lain-lain. Oleh itu, penumpuan yang diberikan hanya melihat kepada masalah yang dihadapi di Barat.³⁰
- c. Terdapat sebahagian peserta yang meragui isi kandungan dalam panduan yang keempat iaitu budaya hak saksama dan perkongsian antara lelaki dan wanita. Mereka mendakwa bahawa deklarasi terlalu sedikit menyentuh berkenaan aspek kekeluargaan. Ini kerana panduan tersebut lebih memberi pemfokusan kepada seksualiti (iaitu konsep seksualiti yang berdasarkan kasih sayang, perkongsian hidup dan kepercayaan serta menolak

²⁹ Antaranya seperti pernyataan dalam deklarasi yang menyebut: "Kami tidak menganggap bahawa kami lebih baik daripada yang lain tetapi kami percaya kepada kebijaksanaan ketetapan ajaran agama kami mampu menjadi petunjuk ke arah masa depan yang lebih cerah." Global Ethic Foundation et. al., *Perisyntiaran ke arah Etika Dunia*, 4.

³⁰ Sebahagian peserta melihat deklarasi tersebut bersifat terlalu Barat. Hak asasi menjadi perbahasan utama di Barat namun dikatakan masih menjadi perdebatan yang panjang di timur (merujuk kepada negara-negara di Asia). Dalam hal ini Hans Küng tidak menolak dakwaan tersebut dan menjelaskan bahawa perbezaan sesuatu deklarasi bergantung kepada siapa yang mengusulkannya. Bagi beliau, masing-masing mempunyai pendekatan dan gaya tersendiri dan beliau turut membawa warna kebudayaan dan keagamaannya sendiri dalam merangka deklarasi itu. Hans Küng dan Karl Josef Kuschel, *Etik Global*, 93-94.

- meletakkan manusia sebagai objek seks serta dominasi satu jantina kepada jantina yang lain)³¹.
- d. Sebahagian peserta mempersoalkan huraian deklarasi berkenaan panduan yang pertama iaitu budaya tanpa kekerasan. Ia dikatakan tidak dijelaskan lebih lanjut khususnya berkenaan ‘hak mempertahankan diri’. Panduan tersebut lebih menumpukan kepada larangan membunuh, penyelesaian konflik tanpa keganasan serta kepentingan sikap toleransi dan saling menghargai. Namun persoalan mempertahankan diri dari pencerobohan seperti yang berlaku di Bosnia (pada waktu persidangan tersebut berlangsung) tidak diberi pemfokusan.³²
 - e. Bantahan juga timbul kerana deklarasi hanya menyertakan satu perkataan Tuhan di dalamnya. Ini dikatakan sebagai menghormati dan meraikan ajaran Buddha yang didakwa bukan merupakan ‘agama tuhan’ tetapi seperti disebut oleh wakil Buddha dalam persidangan parlimen bahawa agama mereka adalah ‘agama kebijaksanaan, pencerahan dan kasih sayang.’³³ Boleh disimpulkan juga bahawa perkataan ‘Tuhan’ tidak banyak disebut atau ditekankan adalah bagi memastikan golongan tidak

³¹ *Ibid.*, 91-93 dan Perisytiharan ke arah Etika Dunia, 11-12.

³² *Ibid.*, 89-91 dan Perisytiharan ke arah Etika Dunia, 7-8.

³³ Acara-acara yang berlangsung sewaktu persidangan parlimen 1993 seperti ucapan-ucapan membabitkan ketuhanan, doa-doa dan upacara sembahyang pada sidang pembukaan yang menyebut nama tuhan serta ucapan seperti “perlunya berjuang untuk menyatukan agama-agama di bawah tuhan” telah menyebabkan wakil agama Buddha menyampaikan protes mereka. Ini kerana dalam ajaran Buddha, Gautama Buddha yang merupakan pengasas agama itu bukannya tuhan atau dewa. Beliau merupakan manusia yang didakwa mencapai pencerahan penuh melalui meditasi. Pencapaian ini ditunjukkan pula kepada manusia yang lain bagi memastikan semua mencapai kebangkitan spiritual dan kebebasan sepertinya. *Ibid.*, 82-83.

beragama turut menyokong serta melibatkan diri dalam menjayakan deklarasi ini.

Dari beberapa bantahan yang diutarakan boleh dikatakan bahawa tuhan dan agama tidak menjadi keutamaan untuk dinyatakan berbanding nilai-nilai asasi manusia yang berulang kali disebut di dalam deklarasi ini. Walaupun secara hakikatnya nilai-nilai ini diambil dari kitab-kitab agama yang dikatakan diturunkan oleh Tuhan, namun pandangan yang sama turut menyatakan bahawa nilai-nilai ini berasal dari pemikiran manusia yang melahirkan ilmu falsafah yang dipegang oleh masyarakat yang tidak beragama.

Ia menimbulkan persoalan tentang apakah asas yang menjadi piawai kepada etika global. Adakah ia satu dari perintah yang terdapat dalam wahu dan kitab agama ataupun satu kontrak sosial demi kemudahan hubungan sosial antara manusia? Adakah dengan piawai ini kita perlu bergantung kepada ajaran agama ataupun cukup berpegang dengan autoriti sosial yang dicipta manusia? Persoalan ini memerlukan huraian yang lebih komprehensif khususnya dari penyusun draf deklarasi ini.

Kesimpulan

Kesimpulannya, deklarasi ini dilihat berjaya menjelaskan kepada umum berkenaan wujudnya apa yang disebut sebagai ‘nilai-nilai yang mengikat’, ‘kriteria yang tidak terbatal’ dan ‘norma yang konkret’ dalam setiap ajaran agama dan pemikiran. Usaha pendeklarasian ini juga telah berhasil memartabatkan etika global secara langsung di peringkat dunia apabila ia berjaya menarik perhatian masyarakat beragama untuk lebih mengenali dan memahami idea-idea yang terdapat dalam gagasan tersebut. Jika buku-buku atau artikel akademik khususnya yang ditulis oleh Hans Küng dan beberapa pendokong etika global yang lain lebih merupakan satu lontaran idea, maka deklarasi merupakan satu pelan bertindak yang

menghuraikan bagaimana mereka boleh melaksanakan gagasan etika global ini.

Selain itu, deklarasi serta persidangan parlimen juga menjadi satu platform bagi etika global membuktikan secara zahir dan populis bahawa ia benar-benar merupakan ‘sebuah nilai yang dikongsi setiap agama’ apabila sebahagian besar ‘wakil’ agama-agama utama dunia menandatangani deklarasi ini tanda bersetuju dengan etika global dan sedia beramal dengannya. Ia mendapat perhatian utama dalam perbahasan disiplin antara agama dan dialog-dialog antara agama selepas ia dideklarasikan. Bahkan ia dijadikan sebagai tema penting dalam perbincangan berkaitan hubungan antara agama. Ini boleh dikatakan hasil kejayaannya yang terbesar sebagai satu deklarasi yang dikeluarkan dari sebuah program yang menghimpunkan agama-agama utama di dunia.

Walau bagaimanapun, deklarasi tersebut turut menimbulkan banyak persoalan yang memerlukan jawapan dari para pendokong etika global itu sendiri khususnya berkaitan dengan beberapa isu yang telah dinyatakan di atas. Persoalan proses pembentukan deklarasi yang tidak membabitkan pihak berautoriti secara komprehensif, persoalan kriteria yang tidak konsisten antara satu sama lain serta kandungan dan metode yang memerlukan huraian lebih lanjut merupakan beberapa isu yang boleh dikenalpasti membantutkan usaha pendokong etika global untuk menjadikan ianya sebagai sebuah nilai etika yang sejagat. Oleh itu, deklarasi ini tidak boleh diperakui sebagai deklarasi sejagat untuk setiap manusia dan setiap agama selagi mana beberapa persoalan di atas tidak ditangani dan diselesaikan terlebih dahulu.

Rujukan

Chandra Muzaffar. *Global Ethic or Global Hegemony?: Reflections on Religion, Human Dignity and Civilisational Interaction*. London: Asean Academic Press Ltd, 2005.

Mohd Khairul Naim, "Sorotan dan Kritikan Awal Terhadap Deklarasi ke Arah Suatu Etika Global," *Ajkar* 16 (Januari-Jun 2015): 31-60

- Council for a Parliament of the World's Religions. *Declaration toward a Global Ethic.* New York: Continuum Publishing, 1999.
- Global Ethic Foundation, Konrad-Adenauer-Foundation dan Malaysian Interfaith Network. *Perisyiharan ke arah Etika Dunia.* t.tp.: Global Ethic Foundation, Konrad-Adenauer-Foundation dan Malaysian Interfaith Network, t.t.
- Gordon, Paul. *The Evolution of International Human Rights: Visions Seen.* Pennsylvania: University of Pennsylvania Press, 2003.
- Hertog, Katrien. *Reality of Religious Peacebuilding: Conceptual Contributions and Critical Analysis.* Maryland: Lexington Books, 2010.
- Kenny, Anthony. *The Unknown God.* New York: Continuum, 2004.
- King, Sallie B. "It's a Long Way to a Global Ethic: A Response to Leonard Swidler," *Buddhist-Christian Studies* 15 (1995): 213-219.
- Küng, Hans. "Sejarah, Signifikansi dan Metode Deklarasi Menuju Etik Global." Dalam *Etik Global*, ed. Hans Küng dan Karl Josef Kuschel, terj. Ahmad Murtajib. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1999.
- Küng, Hans. *A Global Ethic for Global Politics and Economics.* New York: Oxford University Press, 1998.
- Kuschel, Karl-Josef. "Parliament of the World's Religions 1893-1993." Dalam *A Global Ethic: A Declaration of the Parliament of the World's Religions*, ed. Hans Küng dan Karl-Josef Kuschel. New York: The Continuum International Publishing Group, 2006.
- Lalumiere, Catherine. "Opening Statement." Dalam *Human Rights at the Dawn of the 21st Century.* Strasbourg: Council of Europe, 1993.
- Munro, Bradley R. "The Universal Declaration of Human Rights, Maritain, and the Universality of Human Rights." Dalam *Philosophical Theory and the Universal*

Mohd Khairul Naim, "Sorotan dan Kritikan Awal Terhadap Deklarasi ke Arah Suatu Etika Global," *Afskar* 16 (Januari-Jun 2015): 31-60

- Declaration of Human Rights*, ed. William Sweet. Ottawa: University of Ottawa Press, 2003.
- Martin, Ian. "The Promotion of Human Rights and Prevention of Human Rights Violations." Dalam *Human Rights at the Dawn of the 21st Century*. Strasbourg: Council of Europe, 1993.
- Meyer, William H. *Human Rights and International Political Economy in Third World Nations: Multinational Corporations, Foreign Aid and Repression*. t.t.t: Praeger dan Lauren, 1998.
- Muck, Terry C. "A Global Ethic Update," *Buddhist-Christian Studies* 17 (1997): 215-217.
- Shafer, Ingrid H. "A Global Ethic for the Global Village," *Journal of Ecumenical Studies* 42:3 (2007): 440-453.
- Teasdale, Wayne. *The Mystic Heart: Discovering a Universal Spirituality in the World's Religions*. Novato: New World Library, 2001.
- Council for a Parliament of the World's Religions, <http://www.parliamentofreligions.org>.
- Report on the 2009 Parliament of Religions, http://www.parliamentofreligions.org/_includes/files/reports/ParliamentInReview.pdf.
- Universal Declaration of Human Rights, laman sesawang United Nations, <http://www.un.org/en/documents/udhr/>
- 1999 Parliament of the World's Religions Summary Report, http://www.parliamentofreligions.org/_includes/FCKcontent/File/1999report.pdf.
- 2004 Parliament of the World's Religions Report: Challenges and Opportunities for the International Interreligious